



SOALAN LAZIM (FAQ)

YURAN PENGAJIAN SEMESTER I SESI 2021/2022

1. **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengesyorkan pengurangan yuran pengajian kepada pihak IPTA sebanyak 20% pada semester I sesi 2021/2022. Apakah keputusan kolej berikutan pengumuman ini?**

Kolej melalui Jawatankuasa Pengurusan Hutang telah memutuskan untuk tidak memberikan pengurangan yuran pengajian. Yuran pengajian dibayar untuk membiayai kos penyediaan sistem dan kemudahan akademik kolej. Walaupun pelajar tidak memasuki kampus untuk pembelajaran bersemuka, kuliah masih diadakan (secara hibrid) dan sistem bantuan akademik masih diberikan. Pentadbiran urusan akademik seperti penjadualan kuliah-kuliah, peperiksaan dan pemantauan prestasi pelajar juga berjalan seperti biasa. Dalam erti kata lain, pelaksanaan kuliah dalam talian tidak mengurangkan kos kolej untuk menyediakan sistem pengajaran dan pembelajaran yang sama berbanding situasi pembelajaran bersemuka di kampus.

Bagi kursus dengan amali/praktikal yang telah dijalankan secara atas talian, kolej melalui program akan mengadakan kursus penyegaran (*Refresher course*) bagi amali tersebut – bukan untuk penilaian. Bagi perkara ini pelajar perlu merujuk secara terus kepada Penyelaras program masing-masing.

Mengambil kira kekangan pelaksanaan aktiviti persatuan, maka tiada caj yuran persatuan dikenakan pada semester ini.

2. **Mengapakah saya masih perlu membayar yuran pengajian yang penuh sedangkan semua proses P&P adalah atas talian?**

Rujuk jawapan 1.

3. **Mengapakah yuran asrama masih perlu dibayar sedangkan hanya tinggal di asrama beberapa hari atau bulan sahaja?**

Yuran asrama akan DIKECUALIKAN kepada pelajar yang TIDAK menduduki asrama sepanjang tempoh PKP dan PKPB dikuatkuasakan. Yuran asrama pelajar hanya akan dicaj secara bulanan sahaja.

4. **Memandangkan ekonomi keluarga saya tidak baik sekarang, bolehkah saya membayar yuran secara ansuran?**

Boleh KECUALI peminjam PTPTN dengan pembiayaan penuh, BKNS, dan PYS. Pelajar perlu memohon pembayaran secara ansuran. Tempoh pembayaran ansuran adalah sehingga sebelum menduduki peperiksaan akhir/verifikasi/pembentangan latihan industri. Borang permohonan pembayaran ansuran dan Borang Aku Janji Pembayaran Ansuran boleh dimuat turun melalui portal pelajar.

Walau bagaimanapun, pelajar adalah tidak digalakkan menangguhkan pembayaran yuran bagi mengelakkan proses sekatan seperti dihalang menduduki peperiksaan akhir/verifikasi, mencetak slip peperiksaan akhir/verifikasi, semakan keputusan peperiksaan, prapendaftaran kursus dan/atau pendaftaran semester/naik tahap.

5. **Bagaimana cara untuk menyemak penyata yuran pengajian pelajar?**

Pelajar boleh menyemak penyata yuran melalui portal pelajar.

6. **Apakah nombor yang boleh dihubungi berkenaan dengan penyata akaun pelajar saya?**

Sebarang pertanyaan tentang akaun pelajar boleh diajukan terus kepada Unit Pungutan Hasil Kolej Teknikal Yayasan Sabah atau *whatsapp* ke **010-6614156** sepanjang waktu bekerja.

7. **Apakah kaedah yang boleh digunakan untuk membayar yuran pengajian?**

Pembayaran yuran boleh dilakukan menggunakan kaedah-kaedah berikut:

- i. Pembayaran melalui kaunter
- ii. Perbankan internet:

- a) Alliance Bank Berhad: 101960010094360
- b) Bank Simpanan Nasional:12100-41-00020461-8
- c) Bank Islam Malaysia Berhad:10016010077490
- d) CIMB Islamic Bank Berhad: 86-0140075-9
- e) JomPAY



Billar Code:6767 Ref-1: Nombor Kad Pengenalan Pelajar Ref-2: Nombor Telefon Pelajar

- iii. Sabah PAY



Student ID: Nombor Kad Matrik Pelajar

Jika pembayaran dilakukan melalui perbankan internet, sila hantar resit ke kaunter Unit Pungutan Hasil Kolej Teknikal Yayasan Sabah atau *whatsapp* resit ke 010-6614156.

8. **Bilakah tarikh akhir yuran pengajian perlu dijelaskan oleh pelajar?**

Pelajar diwajibkan menjelaskan semua bayaran yuran selewat-lewatnya pada minggu ke-12 atau sebelum menduduki peperiksaan akhir/verifikasi/pembentangan latihan industri.

9. **Apakah tindakan yang dikenakan ke atas pelajar sekiranya tidak menjelaskan yuran pengajian dalam tempoh yang ditetapkan?**

Sekiranya pelajar tidak menjelaskan yuran dalam tempoh yang ditetapkan, pelajar boleh dikenakan tindakan berikut:

- i. Tidak dibenarkan membuat prapendaftaran kursus semester akan datang/naik tahap.
- ii. Tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir/verifikasi/pembentangan latihan industri.
- iii. Keputusan peperiksaan/verifikasi semester semasa akan disekat.
- iv. Dihalang mendaftar semester/naik tahap.